

# **PERINGATAN INTEGRITI - PUTUSKAN RANTAIAN VIRUS JENAYAH RASUAH**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Pihak YBhg. Tan Sri/ Dato'/ Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan, sedia maklum pihak kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Penggerakan (PKP) bagi mengekang bahaya wabak pandemik Covid 19 yang menyebabkan kita terpaksa melakukan penjarakkan sosial (*social distancing*) bagi memutuskan rantaian wabak tersebut agar tidak merebak dan menjangkiti badan kita.
3. Dalam tempoh PKP, inilah masanya untuk warga FELDA sama-sama muhasabah diri dan mengambil langkah yang sama dengan memutuskan rantaian jenayah rasuah dengan penjarakkan sosial daripada virus perasuh demikian untuk keselamatan dunia dan akhirat.
4. Sila pastikan;
  - a) Jarakkan hubungan anda, jangan rapat dengan mana-mana syarikat atau kontraktor yang ada urusan rasmi dengan anda.
  - b) Jangan menerima hadiah atau barang berharga daripada mana-mana syarikat atau kontraktor dalam urusan rasmi anda
  - c) Jangan meminta atau menerima suapan rasuah.
  - d) Melaporkan secepat mungkin kepada Unit Integriti FELDA sekiranya ditawarkan suapan rasuah.
5. Sekiranya mana-mana warga FELDA gagal menjarakkan diri dengan terlibat dengan jenayah rasuah dan pelanggaran tatatertib, anda terdedah kepada tindakan undang-undang di bawah Akta SPRM 2009 dan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.

Sekian, terima kasih.

“Allah melaknat orang yang memberi dan menerima rasuah serta orang yang memberi jalan terhadap kedua-duanya”  
(Hadis Riwayat Ibn Ahmad).

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,

**MOHAMAD FAUZI HUSIN, TPj**  
**Ketua Unit Integriti FELDA**